

5 CARA

UNTUK PARA PEKERJA BERSEDIA DENGAN PEKERJAAN MASA DEPAN

Dunia pekerjaan sedang mengalami perubahan pesat dengan kehadiran teknologi yang pada asasnya bukan sahaja mengubah bagaimana sesuatu kerja dilakukan, tetapi turut mengubah skop serta sifat pekerjaan itu sendiri. Menurut "Laporan Pekerjaan Masa Depan" oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), robot dan automasi berpotensi memacu pertumbuhan perniagaan, mewujudkan pekerjaan baharu serta menambahbaik pekerjaan sedia ada.

Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada



TalentCorp

ATTRACT • NURTURE • RETAIN

ketersediaan tenaga kerja yang bermotivasi dan tangkas dilengkapi dengan kemahiran kalis masa depan yang diperlukan untuk bersaing dalam era digital. Perlu diakui juga bahawa kewujudan jurang kemahiran mungkin boleh merencatkan penggunaan teknologi baharu dan akhirnya memberi kesan terhadap pertumbuhan perniagaan itu sendiri.

Bagi membolehkan Malaysia menangani cabaran Revolusi Industri Keempat atau Industri 4.0, bukan hanya majikan yang perlu menyokong secara aktif pembangunan tenaga kerja mereka, tetapi sangat

penting bagi para pekerja juga untuk memikul tanggungjawab memantapkan lagi keperluan pembangunan dan pembelajaran sepanjang hayat diri mereka sendiri.

Berikut adalah lima cara untuk menjadikan kerjaya anda kalis masa depan dan membantu anda bersedia untuk pekerjaan masa depan. Antaranya termasuk menguasai "kemahiran penting abad ke-21", hingga memupuk amalan pembelajaran sepanjang hayat:



KELAYAKAN AKADEMIK TIDAK MENJAMIN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Menurut laporan yang diterbitkan oleh Dell Technologies pada 2017, lebih 80 peratus daripada pekerjaan yang akan dilakukan oleh pelajar hari ini pada 2030 masih belum dicipta lagi. Kebanyakan pekerjaan ini adalah hasil daripada teknologi yang muncul pada hari ini seperti pembangunan mata wang kripto dan *blockchain*. Bukan itu sahaja, kebanyakan majikan hari ini lebih mengutamakan kemahiran dan pengalaman berbanding hanya tertumpu kepada ijazah dan sijil semata-mata.

Kesannya kepada mereka yang mencari pekerjaan dan akan memasuki pasaran tenaga kerja ialah pembangunan kemahiran abad ke-21 adalah sama penting dengan mendapatkan kelayakan akademik. Syarat ini merujuk kepada set pengetahuan dan keupayaan yang luas seperti menyelesaikan masalah dan celik teknologi yang penting untuk menentukan kejayaan dalam dunia hari ini, terutamanya dalam kerjaya dan tempat kerja yang serba moden.

Bagi mereka yang ingin membangunkan kemahiran abad ke-21, mereka boleh berbuat demikian menerusi beberapa platform berbeza. Lain termasuklah mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh penyedia pengajian tinggi dan organisasi pendidikan, atau mengambil peluang daripada Kursus Dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC) yang menawarkan kursus dalam talian sama ada percuma atau pada kos yang berpatutan.



KEMAHIRAN KOLABORASI MASA AKAN MENJADI SEMAKIN PENTING

Teknologi telah menjadikan kerja semakin fleksibel, di mana pekerja boleh bekerja pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja. Dengan menggunakan perisian pengurusan projek maya dan kolaborasi atas talian, kolaborasi maya bukan sahaja membantu syarikat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih berinovasi dan bersepadan, malah amalan kerja sedemikian juga didapati mampu meningkatkan pengalaman, produktiviti dan kesejahteraan pekerja.

Walaupun pada masa ini tidak semua majikan mengamalkan kolaborasi maya, trendnya dijangka akan meningkat apabila majikan mula menggunakan teknologi untuk menyokong cara baharu bekerja di samping kekal komited terhadap matlamat perniagaan mereka. Disebabkan ini, keupayaan untuk menggunakan perkakasan maya akan menjadi lebih penting berbanding sebelumnya dalam tahun-tahun yang akan datang.



KEPENTINGAN MENGUASAI KEMAHIRAN YANG BETUL

Memperolehi dan menguasai kemahiran yang selari dengan keperluan pekerjaan anda adalah penting, terutamanya dalam industri yang pesat berubah seperti penjagaan kesihatan, elektronik dan perkhidmatan kewangan. Dalam persekitaran kerja yang sentiasa berevolusi, pekerja perlu sentiasa mengikuti perkembangan terkini berkaitan kerjaya pilihan mereka bagi memastikan mereka mempunyai kelebihan kompetitif.

Pekerja boleh mula mengasah kemahiran dengan meneroka peluang pembangunan dan latihan yang ditawarkan oleh majikan jika mereka tidak dapat menentukan jenis kemahiran yang perlu dimiliki akibat kesukaran untuk menjangka pekerjaan masa depan. Pekerja juga boleh membangunkan diri mereka sendiri secara pembelajaran arah diri (*self-directed learning*) sejajar dengan komitmen kerajaan untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan rakyat Malaysia di semua peringkat usia.



KEMAHIRAN INSANI MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM TEMPAT KERJA MASA DEPAN

Kemahiran insani juga dikenali sebagai "kemahiran manusia" atau "kemahiran interpersonal". Ia adalah penting bukan hanya kerana peranan yang dimainkan olehnya dalam bidang utama perniagaan, malah memberikan kesan positif terhadap budaya sesebuah syarikat dan dalam meningkatkan produktiviti di tempat kerja.

Kemahiran insani bukan sahaja mampu membuatkan anda lebih menonjol ketika proses temuduga atau dalam pekerjaan, malah ianya juga penting bagi membantu memajukan kerjaya dan kenaikan pangkat. Laporan oleh iCIMS Hiring Insights mendapati bahawa 94 peratus daripada perekut profesional percaya bahawa seseorang pekerja yang memiliki kemahiran insani yang tinggi mempunyai lebih peluang untuk naik pangkat ke jawatan pemimpin berbanding pekerja yang mempunyai lebih banyak pengalaman tetapi lemah kemahiran insani.

Memandangkan kemajuan teknologi akan sentiasa mengubah cara sesuatu kerja dilakukan, apa yang membezakan pekerja bernilai tinggi ialah penguasaan kemahiran mereka seperti pengurusan manusia, empati dan kreativiti yang mana ianya tidak boleh diautomatiskan.



KEBOLEHSUAIAN ADALAH PENTING DALAM TEMPAT KERJA MASA DEPAN

Teknologi telah memudahkan semua orang mendapat akses kepada latihan dan pendidikan, membolehkan pekerja mendapatkan ilmu yang mereka perlukan apabila mereka memerlukannya. Pekerja boleh meningkatkan dan mendapatkan kemahiran baharu untuk tugas semasa mereka seiring dengan perubahan kemahiran yang diperlukan dalam industri pilihan mereka.

Kebolehsuaian untuk berubah di tempat kerja ini mampu meningkatkan keupayaan pekerja dalam menyumbang kepada sasaran perniagaan, menangani cabaran dan membantu organisasi mereka agar sentiasa berada di hadapan para pesaing dan kekal berinovasi. Kesemua ciri-ciri ini sangat dikehendaki oleh para majikan pada hari ini.

Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) membantu modal insan terbaik negara melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang mereka perlukan di masa depan. Untuk mendapatkan senarai penuh inisiatif TalentCorp bagi para profesional, graduan dan majikan, sila kunjungi:

www.talentcorp.com.my/our-work